

2 MATI AKIBAT PENYAKIT KERONGKONG

BERKUNJONG
KA-ISTANA

KANAK2 BERUMOR 1-5 TAHUN PERLU DI-BERI UBAT MENJAUHI PENYAKIT

BANDAR BRUNEI. — Penyakit kerongkong telah berjadi semula di-negeri ini mengancam kesihatan kanak2 yang berumur antara satu dan lima tahun.

Dalam satu siaran, Pejabat Perubatan Negara berkata bahawa tiga orang kanak2 telah di-masokkan karumah sakit besar Bandar Brunei baharu2 ini kerana di-serang oleh penyakit tersebut.

Dua orang daripada kanak2 itu telah mati. Mereka berumur empat tahun. Sa-orang daripada kanak2 itu berasal dari Kampong Setia Pahlawan dan sa-orang lagi dari Kampong Seriwangsa.

Kanak2 yang ketiga, berumur tiga tahun, datang dari Kampong Bakut dan maseh dalam rawatan. Keselamatan kanak2 ini nampak-nya terjamin.

Siaran itu berkata lagi bahawa penyakit kerongkong ada-lah satu jenis penyakit yang merbahaya kerana ia sangat mudah berjangkit. Penyakit itu ga membunuh.

Pejabat Perubatan menasihat-ibu bapa supaya membawa karumah sakit atau klinik anak2 mereka yang belum di-kawal dari penyakit itu untuk di-suntek dengan ubat penyakit kerongkong.

Ubat itu sa-baik2 di-beri kepada kanak2 yang berumur lebeh dari enam bulan.

Penyakit kerongkong itu menyerang barang siapa juga tidak kira umur, tetapi jarang2 sa-kali ia menyerang kanak2 yang berumur kurang dari sa-tahun.

Dalam tahun lepas sa-ramai 23 orang kanak2 telah di-ketahui di-serang oleh penyakit kerongkong. Antara mereka itu tujuh orang telah mati. Mereka semua-nya berumur antara satu dan tujuh tahun.

Siaran itu akhir-nya menegaskan lagi bahawa kanak2 dari Kampong Ayer dan kawasan Bandar Brunei yang berumur antara satu dan lima tahun hendak-lah di-suntek dengan ubat penyakit kerongkong sa-kira-nya mereka belum di-suntek.



Kiai Haji Anuar Musaddad, sa-orang pensharah ugama dari Indonesia yang telah di-undang ka-Brunei oleh Jabatan Hal Ahwal Ugama Brunei untuk memberi sharahan2 di-seluruh negeri telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Kiai Haji Anuar, kiri, telah berkunjung ka-Istana bersama Ketua Jabatan Hal Ahwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud, kanan.

Raja Isteri bersalinkan sa-orang puteri di-Istana

BANDAR BRUNEI. Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri telah beroleh "chahaya mata" ia-itu sa-orang puteri pada 26 October pukul 3.50 petang di-Istana Darul Hana.

Dengan kelahiran puteri itu, Duli2 Yang Maha Mulia sekarang mempunyai sembilan orang putera dan puteri.

Sa-banyak 12 das meriam telah di-tembakkan sa-bagai pengumuman kelahiran puteri itu.

Sa-belum itu Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abd. Wahab bin Ariff, telah menghantar kaki tangan Pejabat Perubatan yang terdiri dari Dr. De Silver, Sister Fong dan Puan Amadah untuk merawat Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Beliau juga telah menyediakan alat2 pertolongan chemas sa-kira-nya berlaku sa-suatu yang tidak di-ingini.

Yang Teramat Mulia Duli2 Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha telah berangkat ka-Istana Darul Hana sa-baik

sahaja menerima pengumuman itu dan menyampaikan ucapan tahniah atas kelahiran puteri itu.

Yang Terutama Tuan D. C. White, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei telah juga menyampaikan ucapan tahniah-nya sa-jurus berita bersalin itu di-terima beliau.

2 WAKIL DYMM

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menghantar dua orang wakil ka-Johor Bahru baharu2 ini kerana hadir dalam istiadat menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sir Ismail.

Mereka itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lakamana Dato Setia Haji Mohamed Taha dan Yang di-mulia-kan Pehin Maharaja Diraja Abdul Rahman.

Berlepas bersama wakil2 baginda itu dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu ia-lah Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Dato Seri Paduka ka-Persekutuan rasmi."

KURNIAAN GELARAN PENYURAT

BANDAR BRUNEI. — Pada 12 October lepas Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar telah berangkat ka-Kampong Suran, Tutong, sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia untuk menjalankan istiadat menggelar Tuan Haji Abu Bakar bin Jambol.

Tuan Haji Abu Bakar itu telah di-kurniakan gelaran Yang Mulia Penyurat oleh Duli Yang Maha Mulia.

Dalam Pelita Brunei keluaran 19 October lepas nama gelaran itu dengan tidak senghaja telah tersiar berlainan dari gelaran yang telah di-kurniakan.

Dengan keluaran ini anggota bahagian akhbar Pejabat Penerangan Brunei meminta ma'af atas kesilapan yang tidak di-senghaja itu.

Dan dengan keluaran ini juga Pelita Brunei menegaskan bahawa gelaran yang di-kurniakan oleh



Tuan Haji Abu Bakar.

Duli Yang Maha Mulia kepada Tuan Haji Abu Bakar bin Jambol ia-lah Yang Mulia Penyurat bukanlah sa-bagai perkataan yang lain yang telah di-siarkan dalam akhbar Pelita Brunei keluaran 19 October 1960.

Jumlah derma

BANDAR BRUNEI. — Wang sa-banyak \$16,548.95 telah di-kirinkan kepada Pesuruh Jaya Orang2 Pelarian Dunia Bangsa2 Bersatu di-Geneva baharu2 ini oleh jawatan kuasa Tahun Rayuan Orang Pelarian Dunia Brunei.

Perbelanjaan melancarkan derma itu berjumlah \$205.53.



Penuntut2 tahun ketiga dari Maktab Latihan Guru2 Melayu Brunei bergambar ramai bersama Pengetua Maktab, Tuan James Pearce, di-tambatan kapal Bandar Brunei sa-belum menaiki kapal Bolkiah dalam pelayaran ka-Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Lawatan sa-lama sa-minggu lebih kurang itu telah menjadi kelaziman bagi penuntut2 tahun ketiga sa-bagai satu proses dalam latihan sa-belum keluar dari maktab untuk mengajar di-sekolah2 di-seluruh negeri.

PENGURUS PENGAKAP BERCHUTI KA - U. K.

BANDAR BRUNEI — Tuan Geoffrey Stevens, Pesuruh Jaya Pengurus Pengakap bagi negara2 British Borneo telah berlepas dari Brunei ka-Kuching baharu2 ini dalam berjalan balek ka-United Kingdom kerana berchuti.

Tuan Stevens telah berada di-Brunei semenjak bulan May tahun ini kerana memberi latehan kapada pengakap2 tempatan.

Beliau juga telah mengadakan kursus2 kerana mendapatkan badge2 pengakap.

Sa-lama beliau berada di-sir segala usaha telah di-tumpukan-nya untuk menubuhkan pesokan2 di-sekolah2 Melayu.

PENDUDOK2 BRUNEI BERJUMLAH 83,869

BANDAR BRUNEI.—Penduduk2 Negeri Brunei sekarang berjumlah 83,869 orang mengikut hitungan 105 orang pembanchi yang telah keluar dalam bulan August lepas menghitung pendu-
dok2 di-seluruh negeri.

Jumlah ini memberi taksiran sa-ramai 36.67 penduduk dalam satu persegi batu dari kawasan negeri yang sa-luas 2,226 persegi batu itu.

Angka besar itu memberi bilangan penduduk dalam sa-sabuah daerah saperti berikut:

Kawasan Bandaran Brunei	9,704
Kawasan Luar Bandar Brunei	27,809
Daerah Tutong	10,710
Daerah Belait	31,698
dan Temburong	3,948

Penduduk2 itu terdiri dari 47,013 orang Melayu, 12,233 lain2 puak asli Brunei, 21,759 China dan 2,864 lain2 bangsa.

Hitungan ini sudah pun di-semak di-ibu Pejabat Banchi di-

Kuching dan sungguh pun angka2 itu di-fikirkan betul tetapi ia bukan-nya angka yang mu'tamad.

Angka yang mu'tamad akan di-ketahui sa-telah angka2 itu di-bandingkan dengan hasil2 yang di-nyatakan oleh jentera2 pengira kelak.

Satu perkara yang harus menarek perhatian berkenaan dengan angka2 banchi ini ia-lah persamaan-nya dengan anggaran bilangan penduduk2 negeri ini yang telah di-dapati pada masa menjalankan banchi rumah dalam bulan May.

Pengiraan yang di-jalankan bagi satu2 kerja itu berlainan tetapi oleh sebab hasil-nya adalah lebih kurang sama maka boleh-lah di-katakan bahawa angka yang di-nyatakan di-atas itu betul.

Lagi satu perkara yang menarek perhatian ia-lah penduduk2 negeri telah banyak bertambah semenjak banchi tahun 1947. Dalam tahun itu Brunei hanya mempunyai 40,657 orang penduduk.

Sa-hingga keterangan2 lain di-dapati ada-lah jelas bahawa tambahan bilangan penduduk2 itu bukan-lah hanya hasil dari tambahan biasa.

Kesihatan yang telah bertambah baik dan keadaan kemewahan di-negeri ini ada-lah juga sebab2 yang telah menambah bilangan penduduk2 negeri.



Burong2 merpati di-Trafalgar Square, London, ada-lah kegemaran penuntut2 Brunei di-United Kingdom memberi makan bila2 masa mereka datang ka-London kerana melawat ka-kota itu.

Brunei mempunyai 39 orang penuntut yang belajar di-sekolah2 dan kolej2 di-United Kingdom atas perbelanjaan kerajaan. Delapan belas orang daripada pemuda pemudi itu menuntut di-Millfield College.

Dalam gambar ini kelihatan dari kiri: Awangku Shariffudin bin Pengiran Matali, isteri-nya, Che Zaleha, Awangku Thani bin Pengiran Ahmad, Che Zaharah binti Idris dan Inche Abdul Aziz bin Umar.

Awangku Shariffudin, sa-orang penuntut ilmu arkiologi, sekarang berkhidmat di-British Museum, London. Isteri-nya baharu sahaja memasoki Pitman's College untuk menjadi sa-orang setiausaha atas perbelanjaan sendiri.

Awangku Thani menuntut di-Concord College. Ia akan memasoki peperiksaan ujian untuk memasoki sa-buah university kerana mempelajari ilmu kejuruteraan.

Che Zaharah dan Inche Abdul Aziz belajar di-Westminster College. Che Zaharah menuntut ilmu sains kemasyarakatan dan Inche Aziz menuntut ilmu pertadbiran awam.

Lawatan O.C.P.D.

BANDAR BRUNEI — Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Abdul Rajid, O.C.P.D. Brunei telah kembali ka-tanah ayer pada 31 October sa-telah berkunjong sa-lama sa-minggu ka-Persekutuan Tanah Melayu kerana urusan kebajikan mengenai 64 orang pelateh2 pulis Brunei di-Kuala Lumpur.

Sa-lama di-Kuala Lumpur Pengiran Jaya telah mengadakan lawatan dengan pehak yang berhubung dengan Pulis Persekutuan berhubung latihan pelateh2



Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ibrahim, duduk kiri, menanda tangani perjanjian bekalan ayer Brunei. Berdiri ia-lah Inche Saad bin Marzuki Setiausaha Kemajuan Brunei.

Wakil2 peribadi D.Y.M.M. jalankan istiadat

BANDAR BRUNEI. — Dalam bulan lepas enam orang ra'ayat telah di-kurniakan gelaran oleh Duli Yang Maha Mulia dalam istiadat2 menggelar yang berasingan yang telah di-atorkan oleh Jabatan Adat Istiadat Brunei.

Gelaran2 itu di-kurniakan dari masa ka-masa untuk memenohi setengah2 dari pangkat2 kebesaran yang masih kosong pada masa ini.

Kuasa mengurniakan gelaran dan pangkat2 kebesaran ada pada tangan Duli Yang Maha Mulia tetapi istiadat2 menggelar itu kadang2 di-jalankan oleh wakil2 peribadi baginda.

Dalam istiadat2 yang di-langsungkan dalam bulan/lepas, mi-



Pengiran Anak Kamis

thal-nya, Duli Yang Maha Mulia telah memilih tiga orang pembesar negara menjadi wakil peribadi baginda. Mereka itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed.

Mengikut Adat Istiadat Diraja Brunei pangkat2 kebesaran yang di-sandang oleh pembesar2 negeri ini di-bahagikan kepada berbagai2 taraf.

Sa-lain dari Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri pembesar2 itu terdiri daripada wazir2



Pengiran Kerma Indera.

ia-itu Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggong.

Pengiran2 tersebut dan putera dan puteri Sultan yang gahara di-beri kehormatan Yang Teramat Mulia.

Di-bawah wazir ia-lah cheteria saperti Pengiran Shahbandar, Pengiran Maharaja Lela, Pengiran Paduka Tuan, Pengiran Maharaja Adinda dan lain2.

Cheteria, putera dan puteri

Sultan yang tidak gahara dan anak2 wazir yang gahara di-beri kehormatan Yang Amat Mulia.

Gelaran yang rendah sa-kali antara anak2 Raja ia-lah Pengiran. Mereka itu di-beri kehormatan Yang Mulia.

Gelaran2 yang boleh di-kurniakan kepada orang2 kebanyakan ia-lah sa-bagai menteri, orang kaya dan menteri2 ugama dan menteri2 darat.

Menteri2 itu berbagai2 pula taraf dan kehormatan yang di-sandingkan kepada gelaran itu. Semua-nya mempunyai kehormatan "pehin" kechuali menteri darat yang hanya di-beri kehormatan "yang mulia".

Dato Perdana Menteri di-beri kehormatan Yang Berhormat



Pengiran Anak Safar.

lagi di-muliakan Pehin.

Orang Kaya dan pangkat2 yang sa-taraf dengan-nya di-beri kehormatan "Yang di-hormati lagi di-muliakan Pehin."

Pembesar2 yang lain itu hanya di-hormati dengan panggilan Yang di-muliakan Pehin.

Akhir-nya ia-lah menteri2 darat. Mereka itu di-muliakan dengan panggilan "Yang Mulia" sa-belum di-sebut gelaran masing2.

PARTAI HANTAR WAKIL KA-SIDANG

BANDAR BRUNEI. — Partai Ra'ayat Brunei akan menghantar dua orang wakil-nya sa-bagai pemerhati ka-Kongres Partai Ra'ayat Malaya Ke-6 yang akan berlangsung pada 11 hingga 14 November akan datang di-Johore Bahru.

Wakil Partai Ra'ayat Brunei itu terdiri dari Inche' H.B. Hiddup, Wakil Setia Usaha Agung dan Inche' Umar Tamin, Pembantu Umum.

Turut serta dalam rombongan itu ia-lah Tuan Haji Salim, Ketua Partai Ra'ayat Chabang Burong Pingai, Berakas dan Pengiran Hitam, Ketua Satu Partai Ra'ayat Chabang Temburong.

BINTANG2 RADIO SARAWAK MENYERTAI MALAM KESENIAN MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Persembahan Malam Kesenian Melayu telah mendapat sambutan yang baik sa-lama empat malam baharu2 ini.

Temasha tersebut di-langsungkan sa-bagai salah satu acara sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Persembahan itu telah di-langsungkan di-Bandar Brunei bertempat di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada malam 27 dan 28 October.

Sa-lepas itu telah di-adakan di-Community Hall, Seria pada malam 29 dan 30 October.

Sungguh pun terlebih dahulu di-ranchangkan untuk mengadakan temasha itu sa-belum hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada bulan yang lalu, akan tetapi oleh kerana beberapa sebab yang telah tidak dapat di-elakkan, maka temasha tersebut telah di-undorkan kepada tarikh2 tersebut.

Dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College telah penuh sesak dengan para penonton berbagai2 bangsa laki2 dan perempuan menyaksikan temasha tersebut.

Temasha itu telah di-buka dengan rasmi oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, penaong, Malam Kesenian Melayu pada malam 27 October.

Dalam ucapan-nya Pengiran Mohamed Yusof telah mengucapkan sebanyak2 terima kasih atas kerjasama dari para penonton, para pelakon dan ahli2 jawatan kuasa Malam Kesenian Melayu untuk menjayakan temasha itu.

Sungguh pun telah ada ranchangan terlebih dahulu hendak menjemput bintang2 film dari Singapura akan tetapi oleh kera-

na sa-suatu hal yang tidak dapat di-elakkan bintang2 film itu telah tidak dapat datang ka-Brunei.

Tiga orang bintang2 radio dari Sarawak itu yang mengambil bahagian di-temasha tersebut ia-lah Fatimah Berdah, Fatimah Suhaili dan Dinah Liyon.

Sa-lain dari itu Ali Paun, Bintang Radio Brunei Tahun 1960, Sahara Ahmad, H.M. Mohaimin, P. Samin, Awangku Che Din, Awangku Mahmud dan beberapa orang penyanyi2 tempatan tidak ketinggalan mengambil bahagian.

Beberapa orang pemuda-pemudi tempatan telah mempersembahkan tarian yang berchorak kebudayaan Melayu, antara-nya Tarian Sireh Pinang, Tarian Lilin dan Tarian Timang2 Anak.

Murid2 perempuan dari Seko-

lah Melayu Muda Hashim Tuting pula telah mempersembahkan Tarian Lambaian Daun, Tarian Teratai Desa, Tarian Bunga Rampai dan lain2-nya.

Pada malam 28 October para penonton telah menyaksikan satu tablo, persembahan pemuda-pemudi Brunei bertajok "Kepersada Menyumbang Bakti", yang telah di-susun oleh Inche Mohammad bin Haji Serudin dan di-arahkan oleh Inche Mahmud Bakir.

Pancharagam Gema Ria Orkest di-bawah pimpinan Kelana Bakti telah bermain di-temasha tersebut.

Untuk memberi peluang kepada orang ramai di-Daerah Seria dan Kuala Belait persembahan itu telah di-adakan di-Seria pada dua malam berturut2 sa-lepas pertunjukan di-bandar ini.

Dalam gambar di-bawah berdiri dari kiri: Fatimah Suhaili, Dinah Lyon, Fatimah Berdah dan dua orang ahli musik; Inche Berdah Ghani dan Abang Ahmad.



PENINJAUAN MENGENAI EKONOMI

RA'AYAT BRUNEI

Inche Zaini bin Haji Ahmad, sa-orang pemuda Brunei yang baharu sahaja balek ka-tanah Ayer sa-telah menuntut beberapa tahun di-England dengan sukachita menyumbangkan tenaga-nya kepada Pelita Brunei untuk memberi pandangan-nya tentang keadaan ekonomi penduduk2 negeri ini.

Semenjak kembali-nya ka-tanah ayer Inche Zaini telah meninjau ka-desa dan kampung2 kerana memerhatikan perusahaan, pertukangan dan keadaan hidup penduduk2 kampung.

Kesimpulan peninjauan-nya ada-lah seperti berikut:

Kalau di-pandang dari sudut ilmu pengetahuan, ekonomi ada-lah sa-bagai satu organisma ia-itu benda hidup yang mengikut perubahan masa dan keadaan tempat. Kehidupan-nya tidak bersendikan sa-suatu jiwa tetapi di-desak oleh pengaruh2 lain yang hidup dan berpusar di-sekitar-nya.

SUDUT "SENI"

Kalau di-pandang dari sudut "seni" pula, maka ekonomi boleh-lah di-katakan seperti satu cabang dari "seni" mengat rumah tangga atau dalam bahasa Inggeris-nya "Home management."

Umpama-nya sa-orang ibu di-sabuh rumah tangga yang sederhana susunan-nya akan dapat menyusun dan mentadbirkan soal kewangan rumah-nya dengan memadankan pendapatan tuan rumah itu.

Dengan yang demikian si-ibu itu tadi dapat-lah kita gelarkan sa-orang ahli ekonomi di-dalam sa-buah masyarakat kecil dari sa-buah masharat yang besar.

Dalam erti garis kasar, kesimpulan pengertian ekonomi ia-lah satu perkara yang maha besar dan berpengaruh di-dalam penghidupan sa-buah masharakat, justeru-nya sa-buah negara.

Bagi permulaan renchana ini penulis suka menitik beratkan isi-nya kepada sumber2 perkembangan ekonomi di-desa kampung.

ANALISA PERTAMA

Analisa yang pertama, penulis minta kerjasama bagi mengupas perekonomian negara kita, Brunei, dari sejak ia dikenal oleh dunia Barat.

Sa-jauh yang dapat di-ketahui oleh penulis renchana ini dari bacaan dan diskusi, maka telah di-dapati satu kesimpulan bahwa perekonomian Brunei dari beberapa abad dahulu hanya-lah bergantung kepada penghasilan dari pak tani di-desa2 sahaja, ia-itu pertanian.

Pendapat ini tidak dapat di-

sangkal lagi kalau kita mengkaji tulisan2 dari beberapa orang ahli2 pelayaran bangsa Barat yang pernah singgah di-negara Brunei ini beberapa abad dahulu.

Sa-bagai satu mithalan, Marco Polo, sa-orang ahli pelayaran Itali yang pernah melawat Brunei pada tahun masehi 1291 di-dalam buku chatetan-nya telah pernah mengatakan bahawa kapor barus dan hasil2 hutan



Inche Zaini b. Hj Ahmad

lainnya-lah yang telah menarek perhatian pedagang2 bangsa Eropah ka-negeri Brunei ini.

Yang lain ada pula pernah meriwayatkan di-dalam buku chatetan mereka masing2 tentang hasil2 hutan seperti sumbu badak dan sarang burung. Kedua2-nya ini di-pasarkan di-negara besar Tiongkok.

PERDAGANGAN

Penulis juga mendapat boki2 yang tertentu bahawa perdagangan antara negeri Brunei dengan negeri2 lain di-kala itu telah di-selenggarakan sa-chara bertukar2 barang atau dalam bahasa Inggeris-nya "Barter System."

Boki2 pendapat ini dapat dilihat dari hasil2 penggalian di-Kota Batu yang di-selenggarakan oleh ahli Ethnologist Tom Harrison beberapa tahun dahulu.

Banyak lagi boki2 yang dapat penulis paparkan di-dalam renchana ini yang rasa-nya tidak perlu untuk di-teruskan di-sini.

Tetapi, mulai dari tahun 1924 perekonomian Brunei sudah bertukar chorak-nya, ia-itu dari perekonomian pertanian kepada perekonomian perindustrian.

Pertukaran itu di-bawa oleh dua faktor yang bersangkutan, pertama Arang Batu telah digantikan kepentingan-nya sa-

bagai alat pembakar oleh minyak tanah, dan kedua kedatangan sa-buah perkongsian bangsa Barat ka-negeri ini untuk membongkar hasil2 bumi Brunei yang kaya raya itu dengan maksud menchari minyak tanah.

Kongsi tersebut tidak lain dari the Brunei Shell Petroleum Company Limited. Kongsi ini telah di-berikan konsisi bagi membongkar hasil2 bumi Brunei.

MULAI BERTUKAR

Pendek-nya, sejak tahun 1924-lah perekonomian Brunei sudah mulai bertukar dan beraleh chorak-nya.

Sa-belum renchana ini di-lanjutkan perjalanan-nya, penulis renchana ini terlebih dahulu mengupas faktor2 perkembangan ekonomi yang tersebut di-bawah ini :-

- (a) Pembekalan ayer di-desa2 (kampung2).
- (b) Pembekalan tenaga listrik.
- (c) Pembersehan sungai2 sa-bagai alat penghujung, dan
- (d) Kelengkapan saloran ayer — atau irrigasi.

Mungkin pembacha akan berasa hairan mengapa penulis renchana ini menitik beratkan soal pembekalan ayer dari yang lain-nya itu. Jawab-nya sangat ringkas dan tegas! walaupun, mengikut tafsiran sa-tengah dari suku ahli ekonomi, di-desa2 itu tidak begitu memerlukan pembekalan ayer yang sempurna di-kala ini, sebab ayer boleh di-dapati dari beberapa sumber kekayaan alam, seperti aliran dari bukit2 dan lopak2, tetapi keseluruhannya sumber2 tersebut tidak dapat menjamin kehidupan manusia bebas dari serangan2 dan ancaman penyakit yang mungkin dan sudah pun menjadi musuh besar manusia di-dunia ini.

BENDA MAKANAN

Ayer, seperti di-ketahui adalah salah satu daripada beberapa benda makanan yang diperlukan oleh jasat manusia di-dalam hidup-nya sa-hari2.

Dan, manusia yang mahu hidup sehat sa-mesti-nya pula berkehendakkan makanan dan minuman yang baik dan bersehat.

Jadi-nya, kalau sa-buah negara memerlukan penduduk yang sehat dan chergas, lebeh jelas lagi Pak tani dan Pak buroh yang produktif, maka soal pembekalan ayer di-desa2 yang terpenchil dari kota harus

di-selenggarakan dengan sa-bberapa segera-nya.

Tak ada erti-nya bagi Brunei membicharakan dan mempersoalkan kedudukan perekonomian di-desa2 kalau penduduk2-nya itu tidak dapat digunakan bagi menjalankan tugas mereka sa-bagai manusia yang rajin, chergas dan produktif di-dalam hidup mereka di-zaman yang modern ini, di-dalam dunia teknologi dan automasi ini.

Raayat Brunei kurang rajin, chergas dan produktif bukanlah kerana malas seperti pernah di-dengar dari beberapa puncha, tetapi soal yang sa-benar-nya ia-lah soal raayat Brunei ini kurang lengkap permatan mereka seperti telah di-terangkan tadi.

Yang baharu di-sebutkan tadi chuma berhubung dengan kepentingan pembakalan ayer dari sudut kasihatan manusia yang bekerja di-desa2.

Tetapi dari sudut ekonomi pembangunan yang sa-benar-nya, semua perusahaan yang bersifat produksi memerlukan pembekalan ayer yang sempurna, sa-kurang2-nya bersehat dan menchukupi. Lebeh jelas lagi kalau perusahaan itu di-selenggarakan untuk menghasilkan makanan untuk di-kirim keluar negeri.

BEKALAN AYER

Perkara pembekalan ayer ini memang utama sa-kali kalau perusahaan2 itu berchorak modern, mithal-nya kalau Brunei ingin memperbesar dan memperkemas perindustrian pertanian-nya seperti menghantar ayer ka-sawah2 demi kepentingan irrigasi-nya.

Untuk sementara waktu ini biar-lah soal perindustrian dan irrigasi ini di-tinggalkan dahulu.

Sa-lain dari soal pembekalan ayer, soal pembekalan tenaga listrik juga di-perlukan.

Saperti kepentingan pembekalan ayer dan hasil2 yang di-bawa-nya kepada masharakat desa, demikian juga penting-nya tenaga listrik di-dalam memberikan kasihatan kepada manusia.

Di-dalam sudut memperbesar dan memperkemas perindustrian di-dalam sa-buah negara, kepentingan tenaga listrik tidak dapat di-sangkal lagi kegunaan-nya.

Lebeh lagi kalau sa-buah negara itu sedang menjalani tingkat kemajuan perekonomian yang bergantung kepada tenaga teknologi yang menelorkan automasi.

Sa-bagai satu umpama, biarlah saudara pembacha saka-

(Lihat muka 5)

Jadual lawatan pensaharah ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Kiai Haji Annuar Musaddad, seorang 'alim ulama yang terkenal di-Indonesia telah berkunjung ka-Negeri Brunei sa-lama sembilan hari pada bulan yang lalu. Kerana memberi sharahan2 mengenai ugama Islam.

Kunjongan beliau itu di-anjorkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei.

Kiai Haji Annuar telah tiba di-lapangan terbang Brunei dari Singapura pada tengah hari Ahad 23 October, dan di-sambut oleh Setia Usaha Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Pengiran Muda Kemaluddin serta beberapa orang pegawai2 ugama.

Pada malam hari itu beliau telah mula bersharah di-mesjid Omar Ali Saifuddin.

Pada pagi hari Ithnin 24 October, Kiai Haji Annuar telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

BERJUMPA MENTERI

Terlebeh dahulu beliau telah berangkat ka-bangunan besar Jabatan Kerajaan dan berjumpa dengan Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Sa-lain dari itu, beliau juga telah berjumpa dengan beberapa orang pegawai2 Kerajaan.

Pada petang hari tersebut Kiai Haji Annuar Musaddad telah berangkat ka-Kuala Belait untuk memberi sharahan di-sana dan juga di-Seria.

Beliau dan rombongan telah tiba di-Istana Kota Manggalela pada pukul 3 petang dan di-sambut oleh Penolong Pegawai Daerah Kuala Belait, Pengiran Haji Ismail.

Sa-lepas berehat, Kiai Haji

Perkembangan ekonomi

(Dari muka 4)

lian di-bawa oleh penulis rencana ini meninjau perkembangan ekonomi yang sedang berjalan dengan chepat-nya di-negara yang sudah maju hari ini.

Choba bermenong sa-bentar dan meninjau keadaan perekonomian di-negara2 India, Tiongkok Merah, dan sa-sudah membuat demikian lihat pula keadaan di-negeri ini keseluruhannya.

Pesti-lah satu penjelasan akan lahir yang melukiskan satu perbezaan besar di-dalam perkembangan ekonomi negara2 itu. Kalau bagitu sampai-lah sa'at sekarang satu pertanyaan di-ajukan. Pertanyaan itu berbunyi bagini :

Mengapa negara2 India dan Tiongkok Merah itu maju di-dalam bentuk perekonomian mereka?

(Bersambung)



Kiai Haji Annuar Musaddad

Annuar pun berangkat ka-Kuala Belait untuk memberi sharahan di-hadapan beratus2 orang Islam dan lain2 bangsa di-Padang Besar Kuala Belait.

Lawatan Kiai Haji Annuar ka-Kuala Belait dan Seria itu telah di-kelolakan oleh Persatuan Ikhwanul Muslimin, Daerah Belait.

Pada malam hari tersebut, Kiai Haji Annuar Musaddad telah mengadakan cheramah di-Mesjid Kuala Belait.

Sa-lepas itu beliau menghadhiri majlis jamuan makan di-sajikan oleh Persatuan Ikhwanul Muslimin dan ahli2 mesjid itu.

Kiai Haji Annuar telah memberi sharahan di-padang belakang Sekolah Melayu Mohamed Alam, Seria pada petang hari Thalatha 25 October dan balek ka-Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 26 October.

Lain2 ranchangan lawatan Kiai Haji Annuar Musaddad ka-negeri ini ada-lah seperti berikut:

Tengah hari Rabu : Kiai Haji Annuar telah makan tengah hari di-Istana Darussalam.

MEMBERI SHARAHAN

Pada petang hari itu beliau berangkat ka-Muara dan memberi sharahan di-Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara.

Beliau telah bersembahyang maghrib dan isa di-Muara dan sa-lepas itu memberi sharahan lagi.

Khamis 27 October : Sa-lepas bersembahyang suboh dan berehat di-Muara, Kiai Haji Annuar berangkat balek ka-Bandar Brunei dan makan tengah hari di-Istana Darussalam.

Beliau telah berangkat ka-Tutong pada petang hari itu dan memberi sharahan di-Sekolah Melayu Muda Hashim.

Sa-lepas makan malam di-sana

beliau balek ka-Bandar Brunei.

Jumaat 28 October : Kiai Haji Annuar telah mengadakan cheramah dengan Pegawai2 Ugama dan Guru2 Ugama di-Istana Darussalam pada pagi hari itu dan bersembahyang jumaat di-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Pada petang hari itu beliau telah bersharah di-Kilanas dan pada sa-belah malam-nya memberi sharahan kepada pegawai2 dan anggota2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

JADUAL LAWATAN

Sabtu 29 October: Kiai Haji Annuar telah berangkat ka-Temburong. Pada petang hari itu beliau memberi sharahan di-Pekan Bangar.

Sa-lepas sembahyang di-Mesjid Temburong, beliau di-raikan di-satu majlis jamuan makan.

Ahad 30 October : Kiai Haji Annuar Musaddad telah balek ka-Bandar Brunei.

Pada pagi hari itu beliau telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana, dan pada malam-nya beliau di-raikan dengan jamuan makan oleh Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamed Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud di-rumah beliau.

Antara tetamu pada malam itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli2 Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha.

Kemudian Kiai Haji Annuar Musaddad telah memberi sharahan kepada murid2 Melayu di-Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Kiai Haji Annuar Musaddad telah berangkat balek ka-Indonesia dengan kapal terbang melalui Singapura pada hari Ithnin 31 October.

Sa-belum meninggalkan Brunei pada 31 October kerana balek ka-Indonesia melalui Singapura, Kiai Haji Annuar telah melawat tempat2 yang bersejarah di-sekitar bandar ini.

Kiai Haji Annuar di-jadualkan berada di-Singapura sa-lama dua hari untuk memberi sharahan2 ugama di-kota itu.

LAWATAN MENTERI JAJAHAN KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Menteri Hal Ahwal Tanah Jajahan, the Earl of Perth, telah berkunjung ka-Brunei sa-lama sa-hari pada 18 October lepas.

Earl of Perth itu datang bersama isteri-nya Countess of Perth dari Kuching Sarawak dan telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Bendahara, Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi British, Tuan D.C. White dan Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Satu barisan kehormatan telah di-adakan oleh pasokan Pulis Brunei dengan di-ketuai oleh Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Abdul Rajid, Assistant Superintendent.


Sa-lepas memeriksa barisan itu Lord Perth pun di-perkenalkan oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Omar kepada ahli2 majlis meshuarat dan ketua2 pejabat yang telah juga datang ka-lapangan terbang mengalu2kan beliau.

Lord Perth dan isteri-nya telah berangkat balek ka-Kuching pada petang itu untuk hadir dalam persidangan negara2 British Borneo di-Kuching pada esok-nya.

Gambar di-bawah ini menunjukkan Earl of Perth sedang berjabat tangan dengan Inche Mahayuddin bin Haji Mohamed Zain, Pesuroh Jaya Tanah.

Barbaris menunggu ia-lah ahli2 majlis2 meshuarat dan ketua2 pejabat.

Yang Berhormat Inche Wan Ahmad yang mengenalkan Earl of Perth kepada mereka kelihatan berdiri di-kanan Earl of Perth dan di-kiri beliau ia-lah Pesuroh Jaya Tinggi British, Tuan D.C. White.



Jaminan bantuan daripada pemuda pemudi

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Dipertua Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei berkata dalam satu majlis cheramah di-bawah anjoran Radio Brunei bahawa nasib sa-suatu bangsa ada-lah tergantung di-atas bahu pemuda Pemudi.

Cheramah itu telah di-adakan di-studio Radio Brunei pada petang Jumaat yang lalu.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis itu ia-lah beberapa orang pegawai persatuan2 pemuda pemudi tempatan.

Pengiran Puteh telah di-jemput oleh Radio Brunei untuk memberi cheramah-nya berhubung dengan persidangan pemuda pemudi sa-dunia yang telah di-langsungkan di-Accra, ibu kota Ghana pada bulan August tahun ini.

BERCHERAMAH

Beliau juga telah bercheramah mengenai berbagai2 perkara berhubung dengan pergerakan pemuda pemudi di-Negeri Brunei.

Pengiran Puteh telah menghadiri persidangan tersebut bersama2 Dayangku Intan binti Pengiran Apong sa-bagai wakil2 dari Negeri Brunei.

Dayangku Intan ia-lah sa-orang ahli jawatan kuasa Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Pengiran Puteh telah menerangkan bahawa 100 buah negara dari seluruh dunia telah menghantar wakil2 mereka menghadiri persidangan pemuda pemudi itu.

Sa-ramai kira2 500 orang pemuda pemudi berbagai2 bangsa telah menghadiri persidangan yang bersejarah itu termasuk wakil2 dari negara2 komunis.

Memandang kepada semangat pemuda pemudi yang bergemuruh di-persidangan pemuda pemudi sa-dunia itu, Pengiran Puteh menegaskan bahawa pemuda pemudi sa-dunia ingin hidup dengan bebas dan ingin berjuang untuk membela nasib bangsa2 yang sudah merdeka atau belum merdeka.

PERKHIDMATAN

Dalam pada itu pemuda pemudi hendak-lah mengambil peranan yang penting dalam pergerakan masyarakat.

Pendaftaran pertubohan

BANDAR BRUNEI. — Barisan Buroh Bersatu Brunei atau "Empat B" sa-buah persatuan buroh yang tunggal di-negeri ini yang di-tubuhkan pada 29 May lepas di-daftarkan oleh kerajaan sa-bagai sa-buah persekutuan yang halal di-sisi undang2.

Ini telah di-umumkan oleh Inche Abdul Hafidz Laksamana, setiausaha agong persekutuan tersebut.

Sa-lanjut-nya Pengiran Puteh menyatakan bahawa perkhidmatan pemuda pemudi sa-dunia itu tidak-lah chenderong kepada satu bahagian sahaja, akan tetapi adalah berusaha dalam segala lapangan untuk kebajikan manusia.

Berhubung dengan pergerakan pemuda pemudi di-Negeri Brunei, Pengiran Puteh menyeru pemuda pemudi negeri ini bersatu untuk menubuhkan persatuan2 di-tempat masing2 jika persatuan2 itu belum lagi di-tubuhkan.

Kemudian persatuan2 itu akan bergabung dengan Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Beliau memberi jaminan bahawa Negeri Brunei akan sentiasa memberi pertolongan kepada sawa Lembaga Pemuda Pemudi barang persatuan yang berkehendakkan pertolongan.

Pengiran Puteh telah menasihatkan pemuda pemudi di-negeri ini supaya berani menerima tanggung jawab dalam segala lapangan yang berhubung dengan kebajikan dan kemasyarakatan.

Sa-lepas cheramah itu para hadirin telah menyoal beberapa soalan yang bersangkutan paut dengan pergerakan pemuda pemudi.

Dalam jawapan-nya Pengiran Puteh berkata bahawa Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei sudah pun menjadi anggota penuh dalam Perhimpunan Pemuda Pemudi sa-dunia.

Sa-belum itu, Tuan N. Krishnaswamy, Setia Usaha Perhimpunan Pemuda Pemudi Sadunia telah melawat ka-Negeri Brunei.

MENASIHATKAN

Dalam dua lawatan-nya ka-Brunei Tuan Krishnaswamy telah menasihatkan supaya satu badan yang terdiri dari pemuda pemudi di-tubuhkan di-negeri ini.

Dengan jalan itu dapat-lah Perhimpunan Pemuda Pemudi

Sadunia berhubung dengan Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Pengiran Puteh menambah kata bahawa memandang kepada mustahak-nya kita mengetahui dan mempelajari kemajuan dan masaalah2 yang di-hadapi oleh pemuda pemudi di-negara2 yang lain, maka pemuda pemudi tempatan telah menubuhkan Lembaga Pemuda Pemudi Brunei.

Tidak berapa lama kemudian, lembaga itu pun membuat perhubungan dengan Perhimpunan Pemuda Pemudi Sadunia.

Sa-bagai satu hasil dari perhubungan itu, Perhimpunan Pemuda Pemudi Sadunia telah menjemput Lembaga Pemuda Pemudi Brunei menghantar wakil2-nya menghadiri persidangan pemuda pemudi sadunia kali yang kedelapan di-Accra, Ghana.

Pengiran Puteh juga berkata bahawa faedah besar yang di-dapati oleh Lembaga Pemuda Pemudi Brunei dari bergabung dengan Perhimpunan Pemuda Pemudi Sadunia.

Di-antara faedah2 itu, ia-lah nasihat2, buku2 serta risalah2 yang penting dalam usaha memajukan persatuan2 pemuda2 di-Negeri Brunei.

Dengan jalan itu, dapat-lah pemuda pemudi Negeri Brunei menghadiri seminar2 dan latihan2 yang di-usahakan oleh Perhimpunan Pemuda Pemudi Sadunia.

200 HADHIR DALAM ISTIADAT MENGGELAR DI-LUBOK PULAU

LUBOK PULAU (Tutong).—Lebeh 200 orang telah berkunjung ka-rumah Inche Bashah bin Orang Kaya Jait di-sini pada minggu lepas kerana menyaksikan istiadat menggelar beliau sa-bagai Orang Kaya Setia Utama yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Istiadat itu telah di-jalankan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis, sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia dan pehin2 yang telah mengiringi Pengiran Anak Kamis.

Mengikut achara yang telah di-susun, gendang "raja lalu" telah di-mainkan sa-baik sahaja rombongan yang di-ketuai oleh

JAMINAN BEKALAN AYER BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Suatu perjanjian untuk menjamin bekalan ayer bagi kawasan bandaran Brunei telah di-tanda tangani di-sini baharu2 ini oleh Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dan Tuan Wong Koh Loong wakil sharikat Sino-Malayan Engineers.

Perjanjian itu mengenai membena sa-buah ampangan di-Sungai Tasek untuk menakong ayer bekalan.

Apabila siap kelak ayer yang di-takong oleh ampangan itu akan chukup untuk membekalkan penduduk2 di-kawasan bandaran sa-lama enam bulan mengikut keadaan pemakaian ayer pada masa ini.

Ampangan itu berharga \$2,800,000 tetapi satu siaran akhir kerajaan berkata bahawa rancangan itu akan memakan belanja sa-banyak \$5,500,000.

Keputusan hendak membena ampangan itu telah di-ambil setelah di-adakan beberapa rundingan dan penyiasatan.

Kerja membena ampangan itu sudah pun di-mulakan. Ia di-jadualkan siap menjelang pertengahan tahun 1962.

Pengiran Anak Kamis itu sampai sa-bagai penghormatan kepada wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia.

Perishtiharan gelaran itu telah di-bachakan oleh Mudim Haji Ismail.

Sa-lepas itu doa selamat di-bachakan oleh Yang di-Mulikan Pehin Khatib Awang Abdul Hamid.



Pemandangan di-padang K.B.R.C. Kuala Belait sa-masa Kiai Haji Anuar Musaddad memberi sharahan agama kepada penduduk2 daerah Belait dalam minggu lepas.

PEMUDA2 BRUNEI BERBAKAT DALAM TINJU

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan tinju terbuka kepada pemuda2 di-seluruh negeri ini untuk merebut berbagai2 gelaran kejohanan telah di-langsungkan di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College. Pada malam 22 dan 23 October di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Perlawanan2 pemilehan telah di-adakan pada malam pertama, dan perlawanan2 akhir pula telah di-adakan pada malam yang kedua.

Keputusan dalam perlawanan2 akhir ada-lah seperti di-bawah ini:

Fly-weight: Awangku Latiff (Sultan Omar Ali Saifuddin College) mengalahkan Clement Lungga (Sekolah Pertukangan).

Bantam-weight: Jimmy Leong (Sekolah Pertukangan) mengalahkan Kuala Puasa (Sultan Omar Ali Saifuddin College).

Atom-weight: Abdul Rahman Karim (Sultan Omar Ali Saifuddin College) mengalahkan Lim Pang Kit (Sultan Omar Ali Saifuddin College).

Feather-weight: Joseph Chin (Sultan Omar Ali Saifuddin College) mengalahkan Noor Shah (Sekolah Saint George, Bandar Brunei).

Midge-weight: Saipon Laman (Sultan Omar Ali Saifuddin College) mengalahkan Isahak (Sekolah Pertukangan).

Gnat-weight: Ibrahim Yusof (Sultan Omar Ali Saifuddin College) mengalahkan Rashid Ibrahim (Seria).

Damit (Sekolah Pertukangan) Mosquito-weight: Johannis Damit (Sekolah Pertukangan) mengalahkan Mat Jair (Sultan Omar Ali Saifuddin College).

Light-weight: Mustafa (Sekolah Pertukangan) mengalahkan

David Wee (Sekolah Pertukangan).

Lain2 Keputusan: Fly-weight (khas): Bill Williams (Sekolah Saint Margaret, Seria) mengalahkan Walter Boyd (Sultan Omar Ali Saifuddin College).

LATEHAN AHLI2 SUKAN NEGERI2 BORNEO MEMASOKI ASIAN GAMES

SERIA.—Latehan untuk meninggikan darjah sukan di-negeri2 British Borneo telah di-mulakan di-sini pada hari Juma'at lepas oleh Tuan A.M. Trail pakar jurulatih yang berkhidmat dengan sharikat Brunei Shell.

Dalam latehan pertama itu lebeh kurang 15 orang ahli2 sukan telah hadir.

Sa-belum latehan di-jalankan Tuan Trail telah menerangkan tujuan2 latehan itu di-adakan ia-itu sa-lain dari meninggikan

Forelanders kalah

BANDAR BRUNEI. — Pasokan champoran Seria Recreation Klab dan Panaga telah mengalahkan Forelanders dengan 3 gol tidak berbalas dalam satu perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan baharu2 ini.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-Padang Seria Recreation Club.

Roberts telah menjaringkan dua gol, manakala Korting satu gol bagi pasokan yang menang itu.

Keputusan2 pertandingan antara Brunei dan Sabah

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Sukan Polis Brunei yang telah berangkat ka-Jesselton baharu2 ini untuk mengadakan perlawanan2 sukan dengan Polis Borneo Utara telah balek ka-Brunei dengan kemenangan.

Pasokan itu telah mengalahkan Polis Borneo Utara dalam perlawanan badminton tetapi kalah dalam perlawanan hokey.

Dalam perlawanan bola sepak pula, pasokan Brunei telah seri dengan pasokan Borneo Utara, satu2 pasokan mendapat 2 gol.

Dalam perlawanan badminton, Brunei mengalahkan Polis Borneo Utara dengan 5 perlawanan tidak berbalas.

Borneo Utara mengalahkan Brunei dengan 4 gol berbalas 1 dalam perlawanan hokey.

Keputusan penoh perlawanan badminton ia-lah seperti berikut. (Pasokan dari Brunei di-sebut dahulu):

Kopral Mohamed Dahlan bekas johan badminton polis Sa-Malaya mengalahkan DPC Allan Wong dengan 15-2 dan 15-4.

Kopral Jamaluddin bekas johan badminton di-Pulau Pinang mengalahkan PC Liew Chee Onn dengan 15-0 dan 15-2.

Kopral Mohamed Dahlan dan Kopral Jamaluddin mengalahkan ASP Bedlington dan Tuan F. Skinner dengan 15-0 dan 15-2.

P.C. Sirat dan PC Shukoor mengalahkan Inspektor Victor Lim dan Sarjan Sipawi dengan 15-4 dan 15-1.

P.C. Suhaili dan P.C. Sulaiman mengalahkan DPC Allan Wong dan P.C. Liew Chee Onn dengan 15-8 dan 15-10 mata.

Dalam perlawanan bola sepak Tajuddin dan Kassim menjaringkan satu gol sa-orang bagi pasokan Brunei.

Gol yang tunggal bagi pasokan Brunei dalam pertandingan hokey di-jaringkan oleh P. C. Osman Wahab.

Bantam-weight (khas): Tony Samy (Klab Pemuda Padang Minyak Seria) mengalahkan Jose Hwa (Sekolah Pertukangan).

Mosquito-weight (khas): Razak Lamit (Bandar Brunei) mengalahkan Arturo Azcona (Klab Pemuda Padang Minyak Seria).

Hadiah2 kepada johan dan naib johan telah di-sampaikan oleh Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D. C. White.

darjah sukan di-negeri ini ialah juga untuk melatoh ahli2 sukan yang berbakat supaya mereka dapat masok bertanding dalam Asian Games tahun 1962.

Sa-bagai satu jalan hendak meninggikan darjah sukan di-negeri2 Borneo British satu pertandingan melalui pos akan di-lancarkan kelak.

Untuk memasoki pertandingan itu penjelasan dan borang2 masok bertanding serta chara2 latehan itu di-selenggarakan akan di-kirimkan kepada semua pegawai2 sukan yang berkenaan.

PERLUMBAAN PERAHU LAYAR ENAM PELABOHAN DI-TENGGAH ASIA

KUALA BELAIT. — Persekutuan Perahu Layar Diraja Singapura telah menjadi johan dalam perlumbaan perahu2 berdayong antara pelabohan2 di-Timor Jauh.

Perlumbaan itu telah di-adakan di-Sungai Belait baharu2 ini dengan mendapat sambutan yang baik dari pasokan2 perahu layar dari Brunei, Saigon, Hongkong, Cambodia dan Singapura.

Pasokan Singapura itu, mengandongi empat orang laki2 dan sa-orang wanita telah menang semua perlumbaan.

KEPUTUSAN BADMINTON

SERIA. — Daerah Miri, Sarawak telah mengalahkan pasokan champoran Klab Melayu Shell, Klab China dan Sekolah Pertukangan tujuh perlawanan tidak berbalas dalam pertandingan badminton di-Miri baharu2 ini.

Keputusan Perlawanan2 (pemain2 Daerah Miri disebut dahulu) ada-lah seperti berikut:—

Perlawanan sa-orang; James Lee mengalahkan Soh Tong Sai 15-9 dan 15-8. Sulaiman Morshidi mengalahkan Harry Yaman 15-5 dan 15-1. Koh Ching Peng mengalahkan Kong Fan Wui 15-10 dan 15-1. Lim Ann Chai mengalahkan Hamdan Seni 15-7 dan 15-4.

Perlawanan bergu; Sekran Boloh dan Sulaiman Morshidi mengalahkan Joseph Liew dan Fihil Dawood 15-2 dan 15-11. Sim Poh Hoe dan Suffian Wahi mengalahkan Harry Yaman dan Haji Abdul Rahman 15-12 dan 15-7. James Lee dan Kok Ching Ping mengalahkan Soh Tung Sai dan Kong Fan Wui dengan 15-8 dan 15-4 mata.

Singapura telah berjaya memenangi Perisai Blair, Piala Perak Paketvaart Wisselbeker dan Piala Perak V.C. Bath.

Puan R. Hazell, pendayong wanita dari pasokan Singapura, telah menang dua perlumbaan berdayong sa-orang terbuka kepada pendayong2 wanita.

Singapura telah menjadi johan dalam perlumbaan itu, Miri-Belait Boat Klab naib-johan dan Pulau Pinang mendapat gelaran yang ketiga.

Dalam perlumbaan itu Brunei di-wakili oleh pasokan Miri-Belait Boat Club.



Pasokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei yang telah menjadi johan dalam pertandingan sukan murid2 Sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei baharu2 ini.

"Malaya sokong Indonesia", kata Nasution

JAKARTA—Menteri Pertahanan Indonesia, General Abdul Haris Nasution telah berkata bahawa Malaya berdiri tegak di belakng Indonesia dalam pertelingkahan mengenai Irian Barat dan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman, cukup faham atas soal ini.

General Nasution telah memberi tahu pemberita2 akhbar sa-kembali-nya dari lawatan beliau ka-Bangsa2 Bersatu, Amerika Sharikat, Jepun, Malaya dan Siam.

Sa-masa general itu di-Malaya, Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman telah mengemukakan tujuan-nya hendak menjadi orang tengah dalam pertelingkahan Irian Barat yang di-tuntut oleh Indonesia tetapi di-duduki Belanda.

General Nasution berkata bahawa Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah memberi pengakuan kepada-nya bahawa Tengku akan berusaha dengan segala daya dalam lengkongan Bangsa2 Bersatu untuk menolong menyelesaikan masalah tersebut.

General itu berkata bahawa beliau tidak perchaya atas sa-barang penyelesaian mengenai Irian Barat sa-lain dari menyatukan daerah itu dengan Republik Indonesia.

Tatkala di-Amerika Sharikat beliau telah menggesa ketua2

Amerika supaya melekaskan lagi penghantaran kelengkapan2 tentera ka-Indonesia.

Sementara itu Menteri Hal Ahwal Negara Belanda, Tuan E. Toxopous telah di-beritakan oleh

sharikat berita Netherlands News Agency sa-bagai berkata di-Hollandia, Irian Barat, bahawa beliau mempunyai harapan yang tipis mengenai perundingan di antara Belanda dengan Indonesia atas soal pertelingkahan Irian Barat.

Menteri itu menerangkan atas perdirian Indonesia yang tidak mahu bertolak ansor atas masalah tersebut yang telah di-tunjukkan lagi sa-kali masa Presiden Soekarno memberi tahu pemberita2 di-New York bahawa beliau tidak ingin mengadakan perundingan2 dengan Menteri Luar Belanda, Tuan Joseph Lun.

PERANG DUNIA YANG AKAN DATANG MUNGKIN SUATU PERANG NUKLEAR

NEW YORK—Britain telah memberitahu Bangsa2 Bersatu bahawa perang dunia yang akan datang ini akan menjadi suatu peperangan nuklear walau pun perjanjian2 telah di-chapai dalam masa aman.

Wakil British, Tuan David Ormsby-Gore, telah berkata demikian tatkala beliau berucap dalam Jawatankuasa Politik Persidangan Agong. Beliau telah membalas dengan panjang lebar bidasan2 Soviet terhadap chadangan2 perluchutan senjata pehak Barat.

Beliau berkata bahawa tugas

yang besar sa-kali ia-lah memulakan perundingan2 sa-mula.

Sa-belum persidangan di-jalankan, Poland telah memajukan satu shor supaya perdebatan atas masalah menghentikan ujian senjata2 nuklear - di-bahathkan dalam satu persidangan khas jika persetujuan tidak dapat di-chapai sa-belum 1 April akan datang.

Sa-belum itu chadangan2 telah di-kemukakan oleh Britain, Amerika Sharikat, Britain bersama Italy dan juga oleh Soviet Union.

Rangka chadangan British itu menganjorkan supaya membentok sa-buah kumpulan teknikal untuk menyiasat perluchutan senjata yang berlainan2 dari segi sains, kententeraan dan pertadbiran.

Chadangan kuasa besar dari tiga buah negara itu telah menchari jalan supaya jawatankuasa perluchutan senjata di-teruskan sa-mula dengan memasukkan lima buah negara yang berkechuali.

Chadangan Soviet ia-lah meminta ketetapan2 di-beri kepada ahli2 perunding untuk menchapai satu persetujuan yang lengkap dan penoh atas perluchutan senjata.

TENGKU SIFATKAN AFRIKA SELATAN SA-BAGAI SA-EKOR KERA SUMBANG

TORONTO (Canada) — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman telah berkata di-sini pada minggu lepas bahawa Afrika Selatan ada-lah seperti kera sumbang di-antara ahli2 dari negara2 Commonwealth.

Dalam satu ucapan di-Royal Commonwealth Society Tengku berkata bahawa negeri-nya mesti terus menerus mensifatkan Afrika Selatan sa-bagai "budak jahat keluarga Commonwealth sa-lagi ia-nya berkeras memegang dasar menjatohkan hak2 asasi manusia".

Tengku menambah kata, "Malaya akan terus memulaukan barang2 dagangan Afrika Selatan".

PERSEDIAAN MENYAMBUT QUEEN

NEW DELHI. — Pegawai2 di-sini sedang mengator ranchangan untuk lawatan Baginda Queen Elizabeth dalam bulan January akan datang.

Perkara yang menjadi masalah ia-lah chara mengawal orang ramai yang di-duga lebeh dari 2 juta orang akan datang menyambut-nya.

Kerja2 telah pun di-mulakan untuk meluaskan satengah2 jalan raya untuk memudahkan lalu-lintas manakala Baginda Queen dan Duke of Edinburgh tiba di-ibu kota ini nanti. Pasangan di-raja itu di-duga tiba pada 21 January untuk lawatan sa-lama tiga minggu.

Pagar2 besi khas akan di-dirikan di-tempat2 yang di-jangka ramai orang akan berhimpun di-dalam bandar ini. Baginda Queen akan berkereta melalui bandar ini bersama Presiden, Dr. Rajendra Prasad, pada hari ulang tahun kemerdekaan India, pada 26 January.

Persediaan2 untuk lawatan itu telah pun di-jalankan sekarang di-New Delhi dan di-lain2 kota besar di-India.

Sa-lain daripada India Baginda Queen juga akan melawat ka-Pakistan, Nepal dan Iran.

Penyerahan pangkalan

KUALA LUMPUR. — Pangkalan terbang Angkatan Udara Diraja British di-Kuala Lumpur telah di-serahkan kepada Angkatan Udara Diraja Malaya pada 25 October.

Dari pangkalan ini-lah bantuan2 luar dari negara2 Commonwealth telah di-gerakan dalam masa perjuangan menentang penganas2 komunis.

Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Geofroy Tory telah menyerahkan pangkalan yang di-kirakan berharga \$15 juta itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Perchantuman negara2 Borneo terpulang kepada ra'ayat

KUCHING.—Menteri Negara Hal Ahwal Tanah2 Jajahan British, Lord Perth, telah memberi tahu pemberita2 akhbar sa-telah tamat persidangan negeri2 Borneo British yang telah memakan masa dua hari di-sini bahawa ada-lah terpulang kepada raayat Sarawak untuk menjaga perpaduan di-antara bangsa2 di-negeri ini.

Lord Perth telah juga membuat pengumuman saperti itu dalam lawatan ka-sini dahulu dengan menyatakan bahawa sungguh pun beliau menyetujui atas perchantunan Sarawak dengan Borneo Utara, tetapi beliau maseh berfikir bahawa ini terpulang-lah kepada raayat di-kedua2 buah negeri yang berkaitan itu memutuskan sama ada mereka mahu berchantum atau tidak.

Beliau berkata, "Biasa-nya selalu terdapat kechenderongan yang memikirkan bahawa kerajaan patut membuat ini dan itu, menyalahkan kerajaan atau memuji-nya, tetapi biasa-nya menyalahkan kerajaan."

"Yang sa-benar-nya ini ada-lah terpulang kepada raayat. Raayat tidak akan dapat sa-buah kerajaan yang chuma mahukan perpaduan. Tugas yang sa-benar-nya untuk mendapatkan perpaduan ini ia-lah terpulang kepada raayat".

Tatkala di-tanya ada-kah Kerajaan British berfikir bahawa perlembagaan sekarang mengadakan kemajuan2 politik ka-arrah kemerdekaan di-Sarawak, Lord Perth berkata, "Ya, dari satu jurusan. Ini ada-lah sa-langkah ka-hadapan. Dalam hal ini, perlembagaan itu memberi sumbangan ka-arrah berkerajaan sendiri. Maseh awal lagi untuk berchakap tentang kemerdekaan."

Beliau menambahkata, "Sa-chara umum, tujuan Kerajaan British ia-lah hendak mengajar raayat mengendalikan diri mereka sendiri dan sudah tentu kita akan menchubanya di-sini, sama juga saperti yang pernah kita lakukan di-tempat2 yang lain."